

TR 8:10:74

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PERAYAAN HARI WANITA DAN PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MAJLIS
KEBANGSAAN PERTUBUHAN WANITA
MALAYSIA DI DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA, KUALA LUMPUR PADA 27HB
OKTOBER, 1974

Yang Berhahagia Tan Sri Fatimah Hashim, Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita, Y. B. Puan Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am, Puan-puan dan saudara-saudara sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada Majlis Pertubuhan Wanita Malaysia kerana memberi penghormatan kepada saya merasmikan Perayaan Hari Wanita 1974 yang diadakan serentak dengan mesyuarat Agung Tahunan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia yang kedua pagi ini. Pada fikiran saya penghormatan berucap dipersidangan kaum wanita yang begini ramai patut diberi kepada seorang kaum wanita bukan seorang laki-laki seperti saya. Cuak dan takut kerana terpaksa berdiri dan menghadapi begitu ramai kaum wanita. Di dalam kehidupan saya hanya biasa menghadapi seorang wanita sahaja.

Puan-puan dan Saudari-saudari sekalian.

Perayaan tahun ini menempa sejarah kerana buat pertama kalinya Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita mengurniakan Pingat Emas mengambil nama Permaisuri Melaka, Tun Fatimah, kepada enam orang tokoh wanita yang terkemuka yang telah banyak berjasa kepada masyarakat dan negara. Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada keenam-enam tokoh itu dan saya percaya jasa bakti mereka akan sentiasa dikenang serta menjadi unsur inspirasi bagi jenerasi-jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Sesungguhnya tema perayaan Hari Wanita tahun 1974 "Peranan Wanita di Zaman Pembangunan" sangatlah kena pada tempatnya iaitu semasa negara kita sedang pesat membangun. Ini dengan sendirinya akan membangkitkan kesedaran serta meninggikan lagi

semangat kaum Wanita di semua peringkat terutama kaum cerdik pandai, supaya mengambil bahagian yang lebih aktif membantu Kerajaan dalam usahanya membaiki keadaan hidup dan meninggikan taraf ekonomi orang-orang kita di bandar dan di luar bandar.

Pada masa ini sudahpun ramai kaum wanita yang menceburkan diri dalam lapangan perusahaan dan perniagaan tetapi pada hemat saya usaha ini boleh dilipatgandakan supaya menyeluruh di kalangan kaum wanita samada di bandar mahupun di desa. Kita tahu di Kelantan dan Trengganu, kaum wanita melibatkan diri dalam berbagai lapangan perniagaan dan tentulah di tempat-tempat lain boleh mencontohi mereka menjalankan perniagaan besar dan kecil. Saya harap agar semangat ini dapat bertumbuh subur di kalangan wanita kita kerana inilah asas yang sangat baik bagi meninggikan ekonomi sesuatu keluarga mencapai kemakmuran. Di samping itu kita boleh mengamalkan jimat cermat iaitu tabiat yang lahir dengan sendirinya daripada kelaziman berniaga.

Semasa kita sedang menghadapi kesulitan akibat dari keadaan ekonomi dunia yang merosot dan tekanan inflasi, amalan berjimat cermat ini patut digalakkan. Dalam tempoh setahun dua ini kita akan menghadapi keadaan ekonomi yang genting dan patutlah kita bersedia dari sekarang. Kebiasaan hidup kita hendaklah diubahsuaikan supaya tidak menjejaskan kehidupan keluarga kita sehari-hari.

Mulai dari sekarang rakyat terutamanya mereka yang tinggal di desa-desa hendaklah melipatgandakan pengeluaran bahan-bahan makanan termasuk perusahaan ternakan. Sebagai "Captain of the House", saya suka melihat kaum wanita memainkan peranan penting membangkitkan kesedaran ini di kalangan rakyat supaya kesan-kesan tekanan inflasi dan kemerosotan ekonomi dunia itu tidak dirasakan benar dan kita masih dapat menikmati tingkatan hidup yang sewajarnya.

Dalam tahun-tahun akan datang ini, keutamaan hendaklah diberi kepada usaha pengeluaran makanan dan tidak boleh terlalu bergantung kepada perindustrian. Saya telahpun mengarah semua Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerajaan supaya mengutamakan usaha-usaha pengeluaran bahan-bahan makanan agar mencukupi keperluan negara seluruhnya. Kita berharap dalam masa beberapa tahun ini kita akan dapat memenuhi keperluan beras secukupnya

dan juga mengeluarkan sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan barang-barang makanan yang lain seperti daging dan buah-buahan.

Langkah-langkah juga sedang diambil supaya bahan-bahan pengeluaran utama seperti getah, timah dan kayu-kayan digunakan dengan lebih banyak dalam membuat barang-barang keperluan dan perumahan awam. Di samping kita dapat menjimatkan tekanan wang luar, kita masih boleh mengekalkan tempoh pengeluaran kilang-kilang perusahaan dalam negeri sambil mengadakan pekerjaan-pekerjaan bagi belia-belie kita. Adalah lebih baik kita menggunakan barang-barang buatan Malaysia sendiri, yang tidak kurang mutunya dan jangan lagi bergantung kepada barang-barang impot dari luar negeri.

Saudara-saudara sekalian.

Di samping menumpukan usaha dan tenaga kita dalam pembangunan ekonomi negara, kaum wanita hendaklah menitikberatkan tanggungjawab mereka dalam pendidikan anak-anak serta urusan rumah tangga. Kedua-dua peranan ini adalah sama-sama penting dijaga oleh kerana di samping mengejar kebahagiaan hidup, amatlah mustahak kita mewujudkan jenerasi muda yang berdisiplin, progresif dan bersopan santun. Apa jua kemakmuran dan kemewahan yang diperolehi tidak membawa kebahagiaan kalau masyarakat kita menyeleweng daripada landasannya- Bahkan kalau pendidikan dan pelajaran anak-anak kita tidak diperhatikan, segala kemewahan yang dicapai itu akan menjadi sia-sia serta boleh pula mengakibatkan keruntuhan akhlak dan gejala-gejala buruk yang lain. Oleh kerana itu suka saya mengingatkan lagi betapa pentingnya kita membimbing anak-anak kepada akhlak yang tinggi demi kepentingan keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam hubungan inilah saya menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Menteri yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir untuk mengkaji semula sistem pelajaran dan pendidikan yang ada sekarang ini dengan tujuan supaya kita benar-benar dapat mewujudkan rakyat yang berdisiplin, dekikasi dan terlatih yang boleh menentukan kemakmuran, kebahagiaan dan keamanan yang berkekalan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersama-sama berbangga dengan kejayaan yang dicapai oleh Pertubuhan Wanita dalam usaha memperjuangkan haksama

dalam perkhidmatan dan juga masalah-masalah lain termasuk perkara nikah cerai. Saya sendiri memanglah sentiasa bersimpati dengan perjuangan kaum wanita ini dan Kerajaan telahpun menimbangkan sebarang tuntutan yang munasabah oleh kaum wanita. Hari ini terdapat kesedaran dan kesanggupan yang tinggi di kalangan saudara-saudara dalam memperjuangkan taraf dan kedudukan kaum wanita. Keyakinan dan kepercayaan rakyat kepada pemimpin-pemimpin wanita bertambah teguh dan boleh dibuktikan bertambahnya bilangan kaum wanita yang dipilih menjadi ahli Dewan Rakyat dan Majlis Undangan Negeri dalam Pilihanraya baru-baru ini. Begitu juga bilangan mereka akan ditambah dalam Dewan Negara dan beberapa badan-badan dan Lembaga yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Baru-baru ini saya telahpun melantik seorang wanita dalam Lembaga Perpaduan Negara dan seorang dalam Lembaga Pengarah BERNAMA. Dukacita sedikit saya belum boleh menambah bilangan wanita dalam Kerajaan tapi ini bolehlah ditimbangkan pada masa akan datang kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Menyebut tentang Undang-undang Nikah Cerai yang saya katakan tadi, bagi orang-orang yang bukan Islam, satu Jawatankuasa sedang menimbangkan perkara ini dan saya harap satu undang-undang akan dapat diluluskan tidak lama lagi.

Berkenaan orang-orang Islam, perkara ini adalah dalam pertimbangan sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam dan diharap tidak lama lagi Jawatankuasa itu dapat mengemukakan syor-syor untuk dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja.

Saya bersetuju bahawa dalam masyarakat kita baik bagi orang-orang Islam mahupun orang-orang Kristian, Hindu dan Buddhist, mustahaklah kita mensifatkan hikmat nikah itu sebagai perkara yang penting bagi mengekalkan zuriat masyarakat dan bangsa. In our Malaysian society, whatever religion we belong to, marriage should be regarded as a sacred institution and we should not treat separation or divorce frivolously. We can only build a disciplined and responsible society from happy and contented homes and it is my hope that in our efforts to build a disciplined and responsible Malaysian society, this phenomenon of broken families or broken

marriages will eventually be checked for our own good and for the good of the nation.

Saudara-saudara sekalian.

Sempena Perayaan Hari Wanita ini, sudah sewajarnya kaum wanita membaharui tekad dan azam mereka untuk meneruskan usaha dan perjuangan untuk membawa negara kita ke arah kemakmuran dan keamanan menerusi perpaduan. Saya harap dalam persidangan yang berlangsung ini, saudara-saudara akan membincangkan dengan berterus terang segala masalah yang kita hadapi serta mengemukakan cadangan-cadangan yang positif untuk mengatasinya. Saya berdoa mudah-mudahan Allah s.w.t. memberkati segala usaha saudara-saudara itu.

Dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya melancarkan Perayaan Hari Wanita Tahun 1974 ini serta merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia ini.